Experts

Menganyam Benang Kepimpinan Agung ke Dalam Jati Diri Pemimpin Mahasiswa

Mon, 12/15/2025 - 09:28

Di sebalik gemerlapan menara gading universiti awam, tersembunyi sebuah wacana abadi iaitu hakikat kepimpinan. Ia bukanlah sekadar jawatan atau tugu yang tersergam, tetapi sebuah taklifan (amanah) moral yang menuntut kerangka fikir strategik, keberanian berprinsip, dan kedalaman jiwa insaniah. Dalam arus dunia yang sentiasa berubah dan mencabar, arena kampus menjadi kawah lebur, tempat jati diri pemimpin mahasiswa ditempa dan diuji. Keberkesanan sesebuah institusi pendidikan tinggi, lantas diukur bukan hanya pada kecemerlangan akademik atau kuantiti penerbitan, tetapi pada mutu kepimpinan pelajar yang dianyam daripada benang-benang sejarah dan falsafah agung yang kukuh.

Model pelantikan pimpinan mahasiswa, khususnya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), di universiti awam (UA) kini melampaui retorik politik popular yang sering kali mengaburi mata. Namun, ia bergerak menuju pemilihan strategik yang mengutamakan kompetensi, integriti, dan representasi menyeluruh. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) baru-baru ini telah berdiri sebagai mercu tanda terkini dalam evolusi ini, apabila mengambil langkah progresif melalui pelantikan MPP Eksekutif Inklusif Baharu. Langkah ini bukan hanya tentang penstrukturan semula kabinet, tetapi tentang menanamkan semula makna sebenar kepimpinan yang terinspirasi oleh nilai-nilai keadilan universal dan teladan agung sepanjang zaman.

Untuk membentuk jati diri pemimpin mahasiswa yang bermutu tinggi dan mampu menghadapi kompleksiti abad ke-21, kita wajib menoleh kepada sumber kebijaksanaan tertinggi. Kepimpinan Rasulullah SAW menawarkan paradigma sempurna yang melangkaui dimensi waktu dan budaya. Konsep kenabian yang terangkum dalam empat sifat utama iaitu Siddiq (kebenaran mutlak dan kejujuran), Amanah (integriti, tanggungjawab yang tidak berbelah bahagi), Fatanah (kebijaksanaan intelektual dan kemahiran membuat keputusan), dan Tabligh (komunikasi efektif dan penyampaian mesej dengan jelas) wajar menjadi teras (DNA) kepada setiap anggota MPP yang dilantik. Keempat-empat sifat ini merupakan ‘benang emas’ yang mesti dianyam ke dalam etos kerja dan setiap proses membuat keputusan pimpinan mahasiswa. Kehebatan kepimpinan Rasullullah SAW bukan terletak pada kekuasaan berbentuk diktator, tetapi pada keupayaan membina jambatan kepercayaan antara pelbagai pihak (umat) melalui integriti dan keadilan yang tidak berbelah bahagi. Inilah falsafah yang perlu dipegang teguh oleh MPP. Mereka perlu Siddiq dalam menyuarakan realiti dan keprihatinan pelajar serta Amanah dalam menggalas kepercayaan pengurusan dan rakan sebaya.

Selain teladan Nabawi, sejarah dunia turut menyajikan idola-idola yang memperkukuh naratif kepimpinan berprinsip. Misalnya, ketegasan etika dan visi keadilan sosial yang dipancarkan oleh Nelson Mandela ketika beliau memperjuangkan kesaksamaan kaum, atau prinsip moral yang tinggi dalam kepimpinan rohaniah Mahatma Gandhi yang menggunakan kuasa tanpa kekerasan (Satyagraha), adalah cerminan Fatanah (kebijaksanaan) yang diikat dengan keadilan dalam konteks global. Pemimpin mahasiswa perlu meneladani keupayaan mereka untuk berpegang pada prinsip, sekalipun berdepan tekanan dan ancaman, menjadikan kepimpinan mereka bukan sekadar

pentadbiran tugas harian, tetapi pergerakan moral yang membawa perubahan lestari. Proses pelantikan MPP di UMPSA, dalam hal ini, bukan hanya memilih individu yang popular, tetapi yang memiliki potensi untuk menjadi ‘pemimpin pergerakan moral’ di kampus.

Langkah UMPSA memperkenalkan MPP Eksekutif Inklusif Baharu dengan struktur kabinet yang lebih representatif adalah manifestasi berani kepada tuntutan keadilan masa kini. Penglibatan wakil Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai ahli kabinet bukan sekadar memenuhi kuota atau menyahut retorik, tetapi menyemai mesej filosofi yang mendalam. Ini merupakan kekuatan kepimpinan institusi yang terletak pada keupayaannya dengan merangkul setiap spektrum komuniti tanpa meninggalkan sesiapa. Inklusiviti ini secara langsung mencerminkan semangat keadilan sosial yang diperjuangkan oleh para pemimpin agung, iaitu memastikan suara minoriti atau golongan terpinggir sentiasa mendapat tempat yang sewajarnya di meja rundingan. Ia adalah pengiktirafan bahawa setiap individu, tanpa mengira latar belakang atau kemampuan fizikal, memiliki potensi strategik dan intelektual untuk menyumbang kepada visi universiti. Langkah ini juga selaras dengan tuntutan Fatanah, yang mengajar kita untuk melihat potensi, bukan keterbatasan.

Dalam konteks pelantikan yang bersifat strategik dan inklusif ini, Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias, telah meletakkan suatu amanah dan harapan yang jelas. Beliau menegaskan bahawa MPP perlu menjadi ‘jambatan yang efektif’ antara pelajar dan pengurusan, di samping menuntut anggota MPP untuk bertindak proaktif serta menyelesaikan masalah dengan bijaksana dan beretika. Tuntutan ini mengandungi dua komponen falsafah penting yang sangat kritikal. Pertama, konsep Jambatan Efektif. Ia memerlukan seni diplomasi (Tabligh) yang tinggi dengan kebolehan menterjemah aspirasi mahasiswa yang pelbagai kepada bahasa pentadbiran yang terikat dengan prosedur dan kekangan, dan sebaliknya. Ini memerlukan kecekalan intelektual, kestabilan emosi, dan kemahiran berunding untuk mengimbangi idealism pelajar dengan kekangan realiti institusi secara harmoni. Kedua, tuntutan untuk menyelesaikan masalah dengan bijaksana dan beretika menekankan bahawa kecerdasan semata-mata tidak memadai akan tetapi kebijaksanaan mesti diikat dengan integriti. Keputusan yang bijaksana (Fatanah) mesti disarungkan dengan etika (Siddiq dan Amanah), memastikan setiap tindakan MPP berlandaskan kebenaran dan mengutamakan kepentingan kolektif dalam jangka panjang, bukan sekadar popularitи sementara.

Justeru, kepimpinan di UMPSA, melalui model pelantikan inklusif ini, telah meletakkan penanda aras barhau dalam pentas kepimpinan mahasiswa Malaysia. Ia adalah panggilan untuk MPP agar tidak sekadar menjadi agen penyampai, tetapi menjadi 'pewaris hikmah' yang mampu menyaring teladan agung Rasulullah SAW dan pemimpin-pemimpin dunia, lalu menterjemahkannya ke dalam tindakan kampus yang proaktif, beretika, dan berjiwa insaniah. Inilah cara sebenar untuk menganyam benang kepimpinan agung ke dalam jati diri mahasiswa dengan menyedari bahawa mandat yang dipikul bukan sekadar gelaran sementara, tetapi sebuah janji suci untuk berkhidmat dan membina ekosistem kampus yang adil, strategik, dan sarat nilai. Hanya dengan kesedaran ini, MPP akan kekal menjadi nadi universiti, menjayakan visi institusi untuk melahirkan modal insan yang seimbang, sekali gus memartabatkan martabat universiti di persada dunia.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni
E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my
Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 74 views

View PDF